

Tingkat pengeluaran pertanian

Langkah pastikan bekalan makanan negara mencukupi, harga berpatutan

SENARIO global masa kini menunjukkan fenomena ke-naikan harga bahan makanan, termasuk di Malaysia. Fenomena ini dikaitkan dengan kenai-kan harga minyak, bekalan bijirin yang rendah, spekulasi dalam pa-saran, persaingan dengan pasaran bioteknologi dan perubahan iklim yang menjelaskan pengeluaran ma-kanan dan biodiversiti global.

Sehubungan itu, soal keselama-tan makanan menjadi isu hangat dibincangkan pada peringkat an-tarabangsa. Bank Dunia meramal-kan fenomena ini dijangka berte-ruhan untuk 10 tahun akan datang.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar, berkata dengan senario dalam ne-gara yang mencabar iaitu sumber air dan tanah yang terhad, persaingan untuk tenaga kerja dan corak cuaca tidak menentu, agensi ke-rajaan berkaitan memikul tugas be-sar untuk menjamin bekalan ma-kanan cukup pada harga berpatu-tan kepada rakyat.

"Kita juga berdepan cabaran un-tuk mencapai matlamat utama Mo-del Baru Ekonomi iaitu melonjak-kan negara ke arah status berpen-dapatan tinggi menjelang 2020. Ini bermakna pendapatan golongan sa-sar perlu ditingkatkan dan jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar dirapatkan," katanya.

Bagi memastikan sektor agroma-kanan terus mencapai kadar per-tumbuhan yang disasarkan dan se-bagian besar keperluan makanan negara dapat dikeluarkan, Kemen-

terian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menyusun projek ber-impak besar dan projek di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) untuk dilaksanakan dalam RMK-10.

Siling yang diluluskan kepada Kementerian dalam tempoh *Rolling Plan* Pertama adalah sebanyak RM1.5 bilion dengan keutamaan di-beri untuk menyiapkan projek sam-bungan selain pelaksanaan projek baru. Dengan jumlah peruntukan yang agak terhad pada tahun ini, perbelanjaan dibuat secara berhe-mah dan menguntungkan rakyat.

"NKEA Pertanian akan menum-pukan kepada pelaksanaan 16 Proj-ek Permulaan (*Entry Point Projects*) dan 11 Peluang Perniaga-an (*Business Opportunities*) perta-nian bernilai tinggi. Penekanan di-berikan kepada subsektor yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi iaitu akuakultur, rum-pai laut, sarang burung walet, pro-

duk herba, buah-buahan dan sayur-sayuran serta produk premium ma-kanan terproses. Selain daripada itu, subsektor padi dan penternakan lembu juga dipilih bagi men-jamin sekuriti makanan negara," ujarnya.

Sasarang NKEA adalah mening-katkan pendapatan negara sebanyak RM28.9 bilion iaitu daripada RM20.2 bilion pada 2009 kepada 49.1 bilion pada 2020. Di samping itu, NKEA Pertanian juga akan menyediakan 74,600 peluang pekerjaan yang kebanyakannya diwujudkan di kawasan luar bandar.

Pada 2011, MOA diperuntukkan sebanyak RM821.4 juta untuk melaksanakan projek di bawah NKEA Pertanian.

Pada 2011, sektor pertanian kekal mencatatkan pertumbuhan yang positif pada kadar 5.6 peratus atau RM43.19 bilion, dengan sumbangan nilai ditambah sebanyak 7.3 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Ka-

sar (KDNK). Dalam tempoh sama, sektor agronomikan berkembang pada kadar 5.8 peratus atau RM20.21 bilion, dengan sumbangan nilai di-tambah sebanyak 46.8 peratus ke-pada KDNK sektor pertanian.

Penyumbang tertinggi kepada pe-ningkatan nilai ditambah sektor ag-ro-makanan pada 2011 adalah sub-sektor perikanan dan subsektor ta-naman makanan di mana masing-masing menyumbang sebanyak 17.4 peratus. Sumbangan subsektor ter-nakan pula sebanyak 12 peratus.

Dari segi prestasi perdagangan, jumlah eksport bahan makanan ne-gara pada 2011 bernilai RM20.5 bi-lion berbanding RM18.1 bilion pada 2010. Ini adalah sumbangan seba-nya 15.3 peratus kepada keselu-ruhan jumlah eksport sektor per-tanian negara. Kenaikan ini dido-rong oleh kenaikan eksport krustasia dan moluska, margerin dan lemak, kopi, hampas isirung kelapa sawit, susu dan hasil susu, gula tebu dan gula ubi, keluaran roti serta ayam/itik.

Import bahan makanan pada 2011 adalah sebanyak RM34.5 bilion menjadikan defisit imbalan da-gangan makanan negara sebanyak RM14.0 bilion. Defisit imbalan makanan ini terhasil daripada pe-ngimportan bahan makanan yang tidak dapat dikeluarkan dalam ne-gara disebabkan keadaan iklim atau kos pengeluaran yang tinggi.

Bagi 2012, MOA mendapat perun-tukan RM4.8 bilion iaitu RM3.7 bi-lion bagi mengurus dan RM1.1 bi-lion bagi pembangunan.



Dengan senario dalam negara yang mencabar iaitu sumber air dan tanah terhad, persaingan untuk tenaga kerja dan corak cuaca tidak menentu, agensi kerajaan berkaitan memikul tugas besar untuk menjamin bekalan makanan cukup pada harga berpatutan kepada rakyat 99

Noh Omar
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Jumlah pengeluaran makanan mencatatkan peningkatan 2.7 peratus (8.42 juta tan) pada 2011 ber-banding 8.21 juta tan pada 2010 membatikan padi (2.7 juta tan), buah-buahan (1.7 juta tan), sayur-sayuran (947 ribu tan), daging ayam/itik (1.3 juta tan), daging lembu (48.8 ribu tan), perikanan tang-kapan (1.4 juta tan) dan akuakultur (442 ribu tan).

INFO

Projek utama yang akan dilaksanakan pada 2012

- Pembinaan Besut Barrage RM20 juta.
- Empangan Paya Peda RM70 juta.
- Pembinaan Kolej Pertanian Malaysia, Bukit Tangga, Kedah RM40 juta.
- Pembinaan Crops For The Future Research Centre (CFFRC) di Semenyih, Selangor RM30.28 juta.
- Pembangunan padi di kawasan jelapang padi RM49.55 juta
- Pembiayaan TEKUN RM150 juta.
- Pengairan Imbuh Balik Sarawak dan Sabah masing-masing sebanyak RM10 juta.
- Zon Industri Akuakultur RM14 juta.
- Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) RM4.45 juta.